

24/03/1997

Pasukan kriket Israel dibenar sertai ICC

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan membenarkan pasukan kriket Israel menyertai Kejohanan Trofi Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) di sini esok bagi membolehkan rakyat negara itu melihat rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini hidup tanpa sebarang sengketa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan mahu rakyat Israel melihat sendiri negara yang diperintah oleh orang Islam tidak menekan dan menindas kaum dan agama lain.

"Kita harap ini sedikit sebanyak dapat mempengaruhi pemikiran mereka. Seperti yang kita tahu, dalam isu penempatan Yahudi di kawasan Arab di Baitulmaqdis, ada orang Israel yang berdemonstrasi membantah tindakan Perdana Menteri, Benyamin Netanyahu.

"Jadi, kalau kita boleh tambah bilangan orang yang membantah Netanyahu, itu adalah usaha yang bermanfaat kepada Palestin," katanya dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz sekembalinya dari Riyadh, Arab Saudi, petang ini.

Kejohanan itu dianjurkan Persatuan Kriket Malaysia (PKM) dan dijadualkan berlangsung selama 21 hari. Sebelum ini, PKM merayu kerajaan membenarkan Israel menyertai kejohanan itu kerana ia adalah syarat untuk diterima sebagai penganjur kejohanan berkenaan.

(END)